



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Bagi Minggu 3/2011 (16 hingga 22 Januari 2011)

Pada minggu ketiga tahun 2011 iaitu bagi tempoh 16 hingga 22 Januari 2011, sejumlah 489 kes Demam Denggi telah dilaporkan di seluruh negara, menurun sebanyak 107 kes (18%) berbanding 596 kes pada minggu sebelumnya. Hanya terdapat dua buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Perak meningkat sebanyak 15 kes (60%) dan N.Sembilan meningkat sebanyak 3 kes (33%) (Lampiran A). Tiada kematian akibat Denggi dilaporkan pada minggu lepas.

Jumlah terkumpul kes sehingga 22 Januari 2011 adalah 1,606, penurunan sebanyak 47% atau 1,424 kes berbanding dengan 3,030 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Kes kematian akibat Denggi juga menurun sebanyak 91% atau 10 kematian, menjadikan jumlah kematian hanya 1 berbanding 11 dalam tempoh yang sama pada tahun 2010.

Sejumlah 111 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 7 lokaliti *hot spots* dikenalpasti pada minggu lepas, berbanding 10 lokaliti pada minggu sebelumnya, dengan melibatkan sebanyak 85 kes Demam Denggi (Lampiran C).

Lima atau 71% daripada 7 lokaliti *hot spots* ini masih mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi (Lampiran D). Terdapat 4 atau 57% daripada 7 lokaliti hotspots ini yang menjalankan aktiviti gotong-royong iaitu di Kg. Baru Sg.Terentang dan Taman Tun Teja Apartment Rawang di daerah Gombak serta Taman Molek dan Kg. Baru Gelang Patah di daerah Johor Baharu.

Walaupun bilangan kes Denggi yang dilaporkan telah berkurangan, namun indeks pembiakan Aedes daripada pemantauan pihak KKM mendapatkan masih tinggi. Bagi tahun 2011, daripada 111 lokaliti yang dipantau di dapat sejumlah 228 premis positif dengan 507 tempat pembiakan ditemui positif dengan pembiakan nyamuk Aedes. Indeks pembiakan iaitu Aedes Indeks 2.25, Breteau Indeks 5.0, yang menunjukkan kadarnya masih tinggi dan populasi Aedes yang tinggi yang boleh memberi risiko jangkitan Demam Denggi. Orang awam dan ketua tempatan diminta terus mengambil tindakan untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes di premis masing-masing.

Kementerian Kesihatan ingin menyeru kepada orang ramai supaya sentiasa peka terhadap kejadian kes Demam Denggi di tempat tinggal masing-masing terutama di kawasan yang telah berlaku wabak walaupun terdapatnya penurunan bilangan kes dan kematian akibat Demam Denggi pada awal tahun ini. Sila beri perhatian terhadap informasi dan promosi kesihatan yang dijalankan oleh anggota kesihatan serta bekerjasama dalam menjayakan aktiviti pencegahan dan kawalan Denggi. Pemilik-pemilik premis juga diminta mempastikan tempat kediaman dan kawasan persekitaran bebas dari pembiakan nyamuk Aedes. Sekiranya terdapat pembiakan jentik-jentik nyamuk Aedes, mereka akan dikenakan kompaun maksima RM500.

Bagi Penyakit Chikungunya , tiada kes dilaporkan untuk tempoh 16 hingga 22 Januari 2011. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 2 kes, penurunan sebanyak 99% atau 209 kes berbanding dengan 211 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2010 (Lampiran B).

TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

24 Januari 2011

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 3/2011
(16 hingga 22 Januari 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 3/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 3/2010
		Minggu 3 (16 – 22 Januari 2011)	Minggu 2 (9 – 15 Januari 2011)		
1	Perlis	3	7	12	3
2	Kedah	9	11	35	23
3	P. Pinang	40	46	128	92
4	Perak	40	25	101	85
5	Selangor	173	213	556	1,370 (7)
6	WPKL & Putrajaya	28	36	100	246 (1)
7	N. Sembilan	12	9	27	74
8	Melaka	8	21	48	29 (1)
9	Johor	49	61	160	166
10	Pahang	26	34	94	58 (1)
11	Terengganu	35	39	96 (1)	45
12	Kelantan	17	23	68	56
13	Sarawak	31	50	127	645 (1)
14	Sabah	18	20	52	135
15	WP Labuan	0	1	2	3
	MALAYSIA	489	596	1,606 (1)	3,030 (11)

Nota: () Kematian

KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 3/2011
(16 hingga 22 Januari 2011)

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 3/2011	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 3/2010
		Minggu 3 (16 – 22 Januari 2011)	Minggu 2 (9 – 15 Januari 2011)		
1	Perlis	0	0	0	0
2	Kedah	0	0	0	0
3	P. Pinang	0	0	0	0
4	Perak	0	0	0	0
5	Selangor	0	0	0	8
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	0
7	N. Sembilan	0	0	0	0
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	0	0	1
10	Pahang	0	0	0	1
11	Terengganu	0	0	0	0
12	Kelantan	0	0	0	2
13	Sarawak	0	0	0	198
14	Sabah	0	2	2	1
15	WP Labuan	0	0	0	0
	MALAYSIA	0	2	2	211

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 3
BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MPS (GB)	Kg Baru Sg Terentang	19	52
2	SELANGOR	MPS (GB)	Taman Tun Teja Apartment Rawang	13	40
3	WPKL	Cheras	Taman Miharja (Fasa 1)	12	46
4	WPKL	Cheras	Miharja Kondominium Fasa 3A	8	38
5	JOHOR	MBJB	Taman Molek Jln Molek 3	19	43
6	JOHOR	MPJBT	Kg Baru Gelang Patah	8	35
7	P.PINANG	Barat Daya	Pintasan Bahagia, Bagan Lepas	6	30

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 3
BAGI TAHUN 2011
(16 hingga 22 Januari 2011)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	SELANGOR	MPS (GB)	Kg Baru Sg Terentang	11.5	19
2	WPKL	Cheras	Miharja Kondominium Fasa 3A	6.0	6
3	JOHOR	MBJB	Taman Molek Jln Molek 3	5.0	5
4	WPKL	Cheras	Taman Miharja (Fasa 1)	2.1	2
5	P.PINANG	Barat Daya	Pintasan Bahagia, Bagan Lepas	1.7	2